

Yayasan Wilayah Persekutuan sumbang RM7,500 kepada UMSKAL

UR 8.11.2014 B4

LABUAN : Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menyumbangkan sebanyak RM7,500 untuk menjayakan program Majlis Penghargaan Graduan (MPG) 2014 Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Kota Kinabalu pada 22 November ini.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli yang mewakili

Pengerusi YWP, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor yang juga Menteri Wilayah Persekutuan.

Beliau yang juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP menyerahkan sumbangan tersebut kepada Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di pejabat Pengerusi Perbadanan Labuan, Tingkat 10, Menara Perbadanan Labuan, kelmarin.

Turut hadir Timbalan

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Timbalan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Ryan Andrias Macdonell yang mewakili Dekan FKI, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Ketua Program E-Dagang FKI Soffri Yussof.

Hadir sama Pegawai Khas Menteri Wilayah Persekutuan Rosli Omar dan Pegawai Khas Ahli Parlimen Labuan Redzuan

Ibrahim.

Sebanyak 24 anugerah akan disampaikan kepada graduan FKI dan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) pada Majlis Penghargaan Graduan 2014 anjuran Fakulti Komputeran dan Informatik.

ROZMAN (tiga kiri) menyerahkan sumbangan Yayasan Wilayah Persekutuan kepada Dr Murnizam kelmarin.

